

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB
LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)

SOALAN NO. 205

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan:

- (a) Langkah-langkah untuk meningkatkan penyertaan perusahaan sosial dalam perolehan Kerajaan melalui setiap agensi atau Kementerian; dan
- (b) Nyatakan bilangan perusahaan sosial yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan jumlah nilai perolehan yang dikeluarkan sehingga kini mengikut jenis perusahaan sosial.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai langkah untuk menggalakkan penyertaan perusahaan sosial dalam perolehan Kerajaan, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah mengambil inisiatif-inisiatif berikut:

(i) Melaksanakan Akreditasi Perusahaan Sosial bertujuan untuk mengesahkan status sesuatu perusahaan sosial bagi membantu usahawan sosial mendapatkan akses kepada pelbagai sokongan dan peluang yang lebih besar untuk mengembangkan perniagaan. Di bawah inisiatif ini, perusahaan sosial yang diakreditasi oleh MED akan menerima pelbagai faedah antaranya disenaraikan dalam direktori awam yang membolehkan bakal pelanggan, termasuk Kementerian dan Agensi mendapatkan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesuatu perusahaan sosial. Di samping itu, perusahaan sosial yang diakreditasi juga akan dilibatkan dalam kempen *Buy-for-Impact* anjuran MED dan agensi bagi menggalakkan sektor awam dan swasta untuk membuat perolehan produk atau perkhidmatan yang bukan sahaja dapat menjana pendapatan kepada perusahaan sosial yang berkenaan malah yang lebih penting dapat menghasilkan impak positif kepada masyarakat dan alam sekitar; serta

(ii) Mengadakan sesi latihan e-Perolehan kepada usahawan-usahawan sosial dalam usaha untuk meningkatkan keterlibatan mereka dalam perolehan Kerajaan. Sesi latihan pertama telah diadakan pada bulan Mei 2019. Program latihan ini akan diadakan secara berkala sebagai inisiatif untuk memastikan perusahaan sosial berdaftar dalam sistem e-Perolehan yang seterusnya akan membolehkan Kementerian dan Agensi membuat perolehan bekalan atau perkhidmatan secara atas talian sepenuhnya (*end-to-end*) dengan perusahaan sosial yang berkenaan.

Di samping itu, Mesyuarat Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan pada 8 April 2019 telah bersetuju dengan cadangan MED untuk mewujudkan Dasar Perolehan Kerajaan (*Carve Out Policy*). Dasar ini mencadangkan penetapan antara 30-50% kadar perolehan Kerajaan diberikan kepada PKS. Dalam hubungan ini, MED sedang meneliti pengagihan kadar peratus bagi setiap kategori perusahaan seperti perusahaan sosial, usahawan wanita, golongan terpinggir dan sebagainya. Ini merupakan inisiatif berterusan MED dalam menggubal dasar pembangunan usahawan dan PKS yang inklusif dan berdaya saing termasuk memacu pembangunan PKS dan perusahaan sosial.

(b) Pada masa ini, perolehan Kerajaan dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu kerja, bekalan dan perkhidmatan dan tidak dikategorikan mengikut jenis perusahaan. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan tidak mempunyai data mengenai bilangan perusahaan sosial yang berdaftar dalam sistem perolehan Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan program tanggungjawab sosial (*Corporate Social Responsibilities – CSR*) dalam perolehan Kerajaan. Di bawah program ini, Kementerian Kewangan telah bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menganjurkan enam (6) bengkel dalam penghasilan sampul surat di bawah inisiatif tanggungjawab sosial (CSR). Kontrak yang sedang berjalan adalah untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020 dan nilai perolehan yang telah dilaksanakan bagi item ini dari tahun 2016 sehingga 31 Mei 2019 adalah sebanyak RM73.3 juta.

Selain itu, dalam usaha memperluaskan lagi inisiatif CSR selaras dengan pengumuman YB Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2019, MOF juga telah mengadakan perbincangan bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Bengkel Daya Klang (BDK), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Penjara Malaysia untuk mengenalpasti item baru yang boleh diketengahkan sebagai CSR.

Jabatan Penjara Malaysia (PENJARA) dan JKM telah mengemukakan Cadangan Pelaksanaan Projek Khas di Bawah Belanjawan 2019 untuk kajian seperti di bawah:

- i. Pembekalan roti kepada institusi-institusi di bawah JKM oleh BDK; dan
- ii. Perkhidmatan pendobian bagi lokap polis oleh Penjara Kajang.

Anggaran awal peruntukan yang diperlukan untuk pembelian peralatan, mesin dan bahan mentah adalah sebanyak RM2,556,240.00 dengan pecahan peruntukan seperti berikut :

- i. JKM – RM1,668,870.00 (Bengkel Daya Klang)
- ii. Jabatan Penjara Malaysia – RM887,370.00 (Penjara Kajang)

Sekian, terima kasih.